

23 APR 2001

Mahathir-RMK8 (ICT)

INFRASTRUKTUR ICT DINAIKTARAF BAGI JADIKAN M'SIA HAB ICT GLOBAL

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata infrastruktur Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) akan dinaiktaraf melalui beberapa inisiatif sebagai persediaan menjadikan Malaysia sebuah hab ICT dan multimedia peringkat global.

Katanya, inisiatif itu termasuk meningkatkan keupayaan tulang belakang penghantaran sehingga 10 gigabit sesaat dan memperkenalkan Sistem Pengurusan Rangkaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik.

Ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata infrastruktur ICT juga akan diperluaskan ke kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang digital.

Antara program yang akan dilaksanakan ialah Infodesa dan Internet Desa yang menawarkan kursus kesedaran dan latihan.

Katanya kerajaan juga akan terus membantu memperkenalkan perkhidmatan yang baru dan berinovatif dalam industri komunikasi dan multimedia manakala piawaian prestasi dan garis panduan umum akan disediakan untuk melindungi dan mempromosikan kepentingan pengguna.

Dr Mahathir berkata Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) gelombang pertama akan diperluaskan ke seluruh negara dalam tempoh RMK8 setelah kerajaan menentukan keberkesanan pelaksanaannya.

Konsep sekolah bestari akan diperluaskan untuk merangkumi 8,000 sekolah manakala telekesihatan akan dilaksanakan di pusat penjagaan kesihatan dan klinik desa.

Beliau berkata agenda masa depan melibatkan pelaksanaan aplikasi perdana gelombang kedua yang akan memberi tumpuan kepada usaha menarik pemaju teknologi terancang dan terkini serta menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pemindahan teknologi.

Perdana Menteri berkata dalam membina negara yang berdaya tahan, kerajaan akan terus memperkukuhkan daya saing dan kecekapan melalui penggunaan teknologi serta pembangunan kemahiran dan inovasi.

Beliau berkata dalam konteks ekonomi berasaskan pengetahuan, teras strategik dalam RMK8 adalah untuk mempercepatkan pembangunan keupayaan dan kebolehan Malaysia dalam bidang sains dan teknologi, pengetahuan dan kemahiran, menggalakkan R&D yang berorientasikan pasaran.

Menyedari bahawa bioteknologi merupakan satu daripada teknologi yang penting dalam abad ke-21, usaha akan diambil untuk membina kebolehan dan keupayaan negara bagi memanfaatkan penggunaan teknologi itu.

Dr Mahathir berkata usaha itu akan melibatkan penggubalan Dasar Bioteknologi Negara untuk menyediakan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dalam pembangunan bioteknologi.

Kerajaan juga akan memberi pertimbangan kepada kemungkinan menubuhkan sebuah Lembah Bio, katanya.

-- BERNAMA

NZ AHH NMO